

KERATAN AKHBAR

JUDUL : TVS

TARIKH : 24 Ogos 2024

SITASI :

M/S :

Sudut bacaan diwujudkan di stesen keretapi terpilih sabah – aaron ago. (2024, August 24). *TVS*. Retrieved August 27, 2024, from <https://www.tvsarawak.my/2024/08/24/sudut-bacaan-diwujudkan-di-stesen-keretapi-terpilih-sabah-aaron-ago/>.



Aaron berkata pameran digital itu berlangsung mulai hari ini hingga 5 Sept depan secara percuma dengan jangkaan pengunjung seramai 10,000 orang.
Foto: Kementerian Perpaduan Negara (FB)

Sudut bacaan diwujudkan di stesen keretapi terpilih Sabah – Aaron Ago

#bm Malaysia
August 24, 2024

KOTA KINABALU, 24 Ogos: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan mewujudkan sudut bacaan khas di beberapa stesen keretapi terpilih di Sabah agar pengguna perkhidmatan pengangkutan itu dapat menikmati bacaan santai semasa berada di stesen-stesen berkenaan.

Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang berkata dalam era digital kini beliau melihat orang ramai terlalu fokus kepada melayari media sosial di telefon bimbit masing-masing sehingga melupakan amalan membaca buku. "Saya harap inisiatif ini mendapat sokongan daripada segenap lapisan masyarakat, dan dapat meningkatkan lagi budaya membaca dalam kalangan orang ramai," katanya ketika melancarkan Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita di Stesen Keretapi Tanjung Aru di sini hari ini. Beliau berkata selain mewujudkan sudut bacaan di stesen keretapi terpilih di Sabah, antara lain pengisian program adalah pameran digital dalam kereta api yang bakal dicatatkan dalam Malaysia Book Of Record (MBOR) sebagai *First Digital Library Exhibition Aboard A Train*.

Aaron berkata pameran digital itu berlangsung mulai hari ini hingga 5 Sept depan secara percuma dengan jangkaan pengunjung seramai 10,000 orang.

Program anjuran KPN itu dijayakan menerusi penglibatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Sutera Harbour Resort.

– TVS

Sumber : <https://www.tvsarawak.my/2024/08/24/sudut-bacaan-diwujudkan-di-stesen-keretapi-terpilih-sabah-aaron-ago/>